

Kumpulan Inovatif dan Kreatif Guru Labuan Sahut Cabaran



13 pasukan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) guru daripada 4 sekolah menengah dan 9 sekolah rendah WP Labuan telah hadir menimba ilmu KIK pada 10 – 11 Mac 2017 bertempat di Sekolah Menengah Sains Labuan. Bengkel ini merupakan persediaan para guru Labuan untuk pertandingan KIK Peringkat Negeri dan Kebangsaan yang dijangka berlangsung pada bulan Mei dan Oktober 2017.

Majlis penutupan telah disempurnakan oleh Puan Khaziyati Osman, Ketua Sektor Jaminan Kualiti, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan. JPWPL merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada para pegawai daripada Jabatan Bomba Wilayah Persekutuan Labuan terdiri dari Penolong

Penguasa Bomba Tuan Pain Muzal, Pegawai Bomba Kanan Encik Azri Abdullah, Pegawai-pegawai Bomba Encik Zulizan Chee Nyau Kee, Encik Azizul Adam dan Encik Mohd Kasran Denah yang sudi berkongsi kepakaran dalam penyediaan dokumentasi pengurusan teknikal berkaitan KIK.

KIK berperanan penting dalam pembangunan modal insan dimana setiap individu secara intensif dibimbing, dilatih dan dibangunkan untuk lebih menghayati misi, visi dan hala tuju organisasi. Setiap peserta KIK diberi peluang yang sama rata dalam menyumbangkan idea dan pendapat, seterusnya melaksanakan langkah-langkah penyelesaian masalah atau penambahbaikan terhadap proses kerja sedia ada.

Secara tidak langsung, KIK turut melatih pelbagai lapisan anggota organisasi untuk tampil berani dalam merangka dan menyusun gerak kerja serta melaksanakan tindakan perubahan ke arah memantapkan keupayaan sumber manusia yang ada demi kejayaan organisasi.

Puan Khaziyati Osman mengucapkan syabas dan tahniah kepada peserta bengkel kerana telah berjaya membentuk pasukan dan berani menyahut cabaran menyertai KIK demi meningkatkan mutu pembelajaran dan pemudacaraan (PdPc) di sekolah.

Tahniah dan syabas juga kepada Unit Kualiti dan Inovasi yang diketuai oleh Encik Arief Gunawan Ramlee dan dibantu oleh Cik Hevylie Samuel serta Jurukamera Encik Marzuki kerana telah berjaya menguruskan kolaborasi dan mewujudkan jalinan dengan pihak Jabatan Bomba WP Labuan.



Dari Guru Kepada Guru



9 Mac – Pemilihan tema perhimpunan bulanan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) bagi bulan Mac iaitu **Dari Guru Kepada Guru** seiring dengan kesinambungan memartabatkan pembelajaran abad ke 21 (PA 21) di Labuan.

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan sentiasa bersungguh-sungguh dalam mengetengahkan dan mencungkil bakat guru Labuan yang cemerlang dalam PA 21. Guru perlu mempunyai pengetahuan dalam konsep PA 21, agar mereka dapat memahami dan menghayati seterusnya membudayakan aktiviti PA 21 di sekolah masing-masing. Demikian amanat penting yang disampaikan oleh Pengarah Pendidikan JPWPL, Encik Raisin Saidin di BTPN Labuan.

Beliau menyeru pentadbir sekolah agar menyemarakkan dan menyebatkan PA21 di kalangan guru agar hasilnya nanti dapat dituai melalui kemenjadian murid-murid di Wilayah Persekutuan Labuan.

Sebagai contoh mengadakan kuiz yang berkonsepkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). PA21 bukan

berkaitan infrastruktur semata-mata tetapi aplikasi menggunakan sumber sedia ada iaitu menerapkan nilai 4C dalam PdP (*Creator, Communication, Collaboration, Critical Thinking*), katanya lagi.

Encik Omar Baki Matusin, Pengetua SMK Ranca-Ranca telah membentangkan inovasi QR Code iaitu pemantauan masa mengajar guru secara sistematik.

Manakala Encik Hyginus Lester Junior Lee dari SMK Mutiara juga telah berkongsi mengenai pembelajaran abad 21 melalui inovasi 'Exit Card'. Beliau telah dinobatkan sebagai Guru Tauladan bagi amalan PdPc abad ke 21 bagi bulan Mac. Tahniah diucapkan dan teruskan kecemerlangan.

Encik Raisin juga menzahirkan rasa syukur dan mengucapkan syabas tahniah kepada warga JPWPL di atas kejayaan mencatat 96.88% dalam auditan EKSA oleh pasukan audit dari JPN Sabah.

Semua ini adalah hasil komitmen dan kesungguhan warga JPWPL dalam merealisasikan program Ekosistem Kondusif Sektor Awam secara berpasukan.

Semoga usaha murni ini dapat dilaksanakan secara istiqamah iaitu sentiasa amal dan seterusnya mendapat kejayaan dalam pengauditan dari MAMPU yang dijangka akan berlangsung pada bulan April 2017.

Sempena dengan perhimpunan itu juga telah dilancarkan JPWPL Sana Sini (www.jpwpl.gov.my/sanasini) iaitu portal berita rasmi pendidikan di Wilayah Persekutuan Labuan.



**Anak istimewa PPKI SKPS
jayakan Pertanian Bandar**



Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Sekolah Kebangsaan Pekan Satu (SKPS) telah mengadakan majlis pelancaran Program Pertanian Bandar yang disempurnakan oleh Pegawai Pertanian Bahagian Bandar, Jabatan Pertanian Labuan, Abdullah Fakeh Kusni, baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis pelancaran itu ialah Ketua Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Labuan Maimoon Matnoh, Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian Labuan Marysia Modigin, Guru Besar SK Pekan Satu Jaafar Haji Matusin dan Penolong Kanan Pendidikan Khas PPKI SK Pekan Satu Basneh Jamilide.

Menurut Abdullah Fakeh, Pertanian Bandar merupakan hasil usahasama pihak sekolah dan Jabatan Pertanian Labuan selaras dengan objektif jabatan dalam merealisasikan program tanaman di dalam bangunan.

“Pertanian Bandar ini juga bertujuan mengoptimalkan keselamatan, bebas daripada kesan penggunaan racun perosak pada tanaman serta menggalakkan kitar semula barang terpakai sekaligus dapat menjimatkan kos input pertanian,” katanya.

Sementara itu, Jaafar berharap program berbentuk dua hala itu akan berterusan dan dapat mendedahkan ilmu asas pertanian kepada murid-murid bekeperluan khas.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada pihak Jabatan Pertanian Labuan atas sumbangan input pertanian seperti pasu, baja, tanah, cocopeat sabut kelapa, tray belubang dan yang terbaharu teknologi terkini bagi penanaman hydroponik iaitu alat teknologi NFT.

Manakala, Penolong Kanan Pendidikan Khas Basneh Jamilide pula berkata kemenjadian tanaman yang terdapat di PPKI SKPS adalah hasil kerjasama jitu oleh 18 guru, enam pembantu pengurusan murid dan 20 murid tahap 2.

Katanya bagi memastikan keceriaan dan kebersihan tanaman terjaga dan terkawal, warga PPKI SKPS sentiasa mengadakan gotong-royong.

Kelangsungan projek tanaman itu diteruskan dalam subjek Kemahiran Hidup Perkebunan di bawah kendalian Cikgu Syamlee Ogong. Beliau telah menjalankan aktiviti tanaman sejak tahun lepas.

Menurut Cikgu Syamle dengan adanya projek Pertanian Bandar itu akan memudahkan pengendalian dan penyampaian pengajaran untuk murid-murid bekeperluan khas.



Projek Tanaman Fertigasi telah dilaksanakan pada tahun lepas. Kesimpulannya, murid mudah untuk menjaga tanaman contohnya untuk menanam benih mereka tidak perlu lagi mencangkul tanah.

“Kami telah menanam sayur sawi melalui cara penyemaian fertigasi dan hasil tanaman amat memberangsangkan di mana sayur sawi yang dituai sangat subur dan bebas daripada penggunaan racun serangga,” katanya sambil menambah, sayuran yang telah dituai diproses untuk aktiviti jualan.

Syamle telah mengajar mereka untuk membungkus/ mengikat sayuran mengikut saiz tertentu dan kemudian mereka dikehendaki menjual hasil tanaman kepada guru-guru di sekolah.

“Hasil jualan yang diterima diberikan kepada anak murid. Secara tidak langsung, kita telah mendedahkan mereka bagaimana menjana pendapatan,” katanya.

Di samping mendapat pulangan hasil mereka juga akan membawa balik hasil tanaman mereka.

Basneh berkata banyak input yang diterima daripada pihak Jabatan Pertanian yang mampu menyuntik semangat warga sekolah untuk menceburi bidang pertanian moden.

“Semoga usahasama ini akan berterusan pada masa akan datang bagi merealisasikan kemenjadian murid-murid istimewa agar sekurang-kurangnya apabila mereka telah berada di luar, mereka mempunyai asas ilmu dalam bidang pertanian yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian,” katanya.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua guru dan murid PPKI yang bekerjasama menjayakan projek tanaman itu.

SUMBER : Utusan Borneo 9 Mac 2017

Thasmawaty unggul Pidato Piala Puteri Umno Labuan 2017



Thasmawaty Aripin dari SMK Lajau mengungguli Pertandingan Pidato Piala Puteri Umno Bahagian Labuan yang diadakan di ruang legar Kompleks Ujana Kewangan, Sabtu lalu.

Dia yang menyampaikan pidato yang bertajuk 'Gejala Sosial Kita Prihatin' dan 'Pelajar Cemerlang Aset Negara', membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000 beserta piala rebutan dan trofi.

Naib johan disandang pelajar Sekolah Menengah Sains Labuan Mohd Aiem Bakrin dengan pidatonya 'Golongan Muda Tonggak Kepimpinan Negara' dan 'Kebersihan Negara Tanggungjawab Kita" untuk menerima hadiah wang tunai RM700 dan trofi.

Seorang lagi pelajar SM Sains Labuan Nurul Syafiqah Pailin menduduki tempat ketiga selepas menyampaikan pidato 'Memelihara Keharmonian Negara Tanggungjawab Bersama' dan 'Nilai Murni Membentuk Masyarakat Prihatin' sekaligus meraih RM500 dan trofi.

Hadiah kepada pemenang disampaikan Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli.

Turut hadir, Ketua Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Labuan Maimoon Matnoh, Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan Datuk Haji Bashir Haji Alias, Ketua Puteri Umno Bahagian Labuan Nur Erney Jamil dan Pengetua SMK Lajau Yusop Mohamad.

SUMBER : Utusan Borneo, 7 Mac 2017

Jalinan kerjasama SPRM dan Financial Park Labuan



1 Mac – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Labuan telah membuat kunjungan hormat ke Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) yang diketuai oleh Pengarahnya sendiri, Encik Abdulamin Abdillah.

Encik Raisin Saidin, Pengarah JPWPL sangat berbesar hati

dan berharap kunjungan hormat ini dapat memperkukuhkan lagi hubungan baik di antara SPRM Labuan dengan JPWPL yang sedia terjalin sebelum ini.

Beberapa perkara telah dibincangkan berkaitan pendidikan dan integriti. Dalam perjumpaan tersebut, kedua-dua pihak bersetuju untuk saling berkerjasama dalam mendidik warga pendidikan berkaitan kepentingan budaya integriti khususnya kepada pelajar-pelajar tingkatan 5 dan 6 yang bakal menempuhi dunia pekerjaan kelak.

Turut hadir Puan Maimoon Matnoh, Ketua Sektor Pengurusan Sekolah dan Encik Asbola Amit, Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan.



2 Mac – Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persektuan Labuan (JPWPL), Encik Raisin Staidin telah menerima kunjungan hormat dari Pengurusan Financial Park Labuan di pejabatnya pada hari ini.

Kunjungan tersebut diketuai oleh Mr. Subramaniam Muniandy, Pemangku Pengarah Urusan Financial Park Labuan disertai Encik Ishammudin Mansor (Pengurus Projek).

Kunjungan hormat ini bertujuan menjalinkan hubungan kerjasama antara Financial Park Labuan dan JPWPL dalam aspek yang boleh dibuat bersama terutamanya dalam aktiviti pendidikan untuk kebaikan anak-anak murid di Labuan.

Hasil kunjungan ini, Financial Park Labuan bersetuju membenarkan premis FPL digunakan untuk program Karnival Bahasa Inggeris secara percuma. Program ini dijangka akan

berlangsung pada 1 April 2017 di bawah penyelarasan Cik Suriani Oxley, Pegawai SISC+, JPWPL.

Pihak JPWPL mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pihak pengurusan Financial Park Labuan. Semoga jalinan usahasama yang berterusan dapat menyokong pembangunan pendidikan di Wilayah Persekutuan Labuan.

STPM 2016 : 31 calon dapat PNGK 3.00 ke atas



28 Februari – Seramai 31 calon mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.00 ke atas bagi Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 2016.

Majlis pengumuman keputusan Sijil Tinggi Persekolahan

Malaysia (STPM) tahun 2016 telah diumumkan oleh Puan Norismah Hj Ab Moin, Ketua Sektor Pengurusan Akademik wakil rasmi Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Encik Raisin bin Saidin.

Pada tahun 2016 seramai 123 calon sekolah kerajaan telah menduduki peperiksaan ini di Wilayah Persekutuan Labuan. Prestasi Wilayah Persekutuan Labuan bagi lulus penuh ialah 99.19%, manakala pencapaian Gred Purata Negeri ialah 2.54 meningkat sebanyak 0.13 berbanding tahun sebelumnya.

Mariel Gabriel Moinjil dan Nurisfarini binti Sulong telah dinobatkan sebagai pelajar terbaik STPM 2016 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan dengan mendapat PNGK 3.92. Antara pelajar lain yang mendapat keputusan cemerlang, Danial Firdaus bin Derin (PNGK 3.84), Juhriana binti Jamal (3.67), Mashnizah binti Romiu (3.67), Siti Faizah Halwa binti Wardi(3.67), Nur Syafiqqa binti Ismail (3.58) dan Ellie Zawanie binti Dollah (3.50).



Puan Norismah berkata, “Alhamdulillah pada tahun ini keputusan STPM 2016 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan meningkat dari segi Gred Purata Negeri dan jumlah calon

cemerlang berbanding tahun sebelumnya. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pelajar, ibu bapa, pengetua dan guru-guru yang terlibat mendidik mereka hingga berjaya dengan cemerlang. Semoga kejayaan mereka akan menjadi pendorong kepada murid-murid lain untuk mencipta kecemerlangan yang lebih hebat di masa akan datang”.

“Saya yakin kejayaan yang dikecapi adalah hasil daripada usaha dan perancangan yang rapi ibu bapa, pelajar, guru-guru, pentadbir sekolah, komuniti dan juga pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Sesungguhnya permuafakatan dan kerjasama semua pihak turut menyumbang kepada kecemerlangan ini”.



Sementara itu, Pengetua SMK Labuan Ismail Abdullah juga mengucapkan syukur STPM 2016 telah menunjukkan peningkatan bagi bagi gred purata dan jumlah calon cemerlang. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada semua pelajar SMK Labuan yang berjaya memperolehi keputusan cemerlang dalam peperiksaan itu.

Katanya, kejayaan itu sudah tentu adalah hasil usaha gigih pelajar yang dibantu guru-guru serta dorongan ibu bapa. “Saya ucapkan tahniah kepada pelajar cemerlang yang mengharumkan nama SMK Labuan. Terima kasih juga kepada guru-guru yang mendidik pelajar terbabit,” katanya.



Dalam kenyataan berasingan, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin bin Saidin hari ini berkata :

“Pertamanya saya ingin memanjatkan kesyukuran setingginya ke hadrat Allah S.W.T di atas peningkatan prestasi STPM 2016 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan. Saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Ketua Sektor Pengurusan Akademik yang menjadi sektor peneraju peningkatan prestasi akademik. Demikian juga kepada sektor-sektor lain yang bertanggungjawab dari segi pengurusan guru yang diterajui oleh Sektor Pengurusan Sekolah bagi memastikan kecukupan guru, Sektor Jaminan Kualiti dari aspek kepimpinan guru dan pentadbir sekolah”.

“Selain itu, Sektor Pengurusan Pembangunan dan

Kemanusiaan bagi pengurusan perkembangan murid, Sektor Pengurusan Maklumat yang memainkan peranan dalam mengurus data-data yang lengkap, Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan dari aspek pengurusan perkhidmatan dan pembangunan sekolah, Sektor Psikologi dan Kaunseling dari aspek kerohanian serta KPP BTPN yang mengurus teknologi pendidikan sekolah juga mempunyai peranan dalam peningkatan prestasi ini”.

“Saya amat yakin bahawa prestasi anak-anak murid kita dalam STPM akan terus meningkat dari semasa ke semasa dan marilah kita sama-sama menggembleng segala usaha dan tenaga dalam satu pasukan yang kuat bagi melonjakkan prestasi STPM bagi tahun 2017. Syabas dan tahniah”.

“Kepada Sektor Penilaian dan Peperiksaan, saya juga mengambil kesempatan merakamkan ucapan syabas dan tahniah di atas pengendalian peperiksaan STPM, pelaksanaan MUET sehinggalah kepada pengumuman keputusan kelmarin yang telah diurus dengan begitu sempurna. Saya berharap agar kewujudan Sektor Penilaian dan Peperiksaan mulai tahun 2017 di Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan ini, akan terus memacu kecemerlangan pengurusan peperiksaan awam di Wilayah Persekutuan Labuan. Syabas dan tahniah Ketua Sektor Penilaian dan Peperiksaan dan warganya. Terima Kasih”.